

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	7 OCTOBER 2016

Dr. M dalam keadaan tersepit

Oleh **HUSSAINI AMRAN**

hussaini.amran@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 6 Okt. - Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak mempunyai peluang untuk berjaya dalam gerakan menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Penganalisis politik, Raja Petra Kamarudin berkata, bekas Perdana Menteri itu kini dalam keadaan tersepit malah situasi yang dihadapinya hampir sama dengan apa yang dialami oleh Napoleon Bonaparte ketika cuba menakluk Rusia.

Menurut beliau, Dr. Mahathir menyangka Najib telah 'dikepung' namun Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu mu-

lai sedar situasi yang berlaku adalah sebaliknya.

"Bonaparte menyelamatkan diri dengan meninggalkan bala tenteranya dan menunggang kuda yang pantas kembali ke Paris.

"Sekiranya Dr. Mahathir mahu mengelakkan diri daripada 'terkorban', beliau juga mesti meninggalkan tenteranya dan segera lari," katanya melalui portal *Malaysia Today*, <http://www.malaysia-today.net> hari ini.

Raja Petra memberitahu, Najib menggunakan pendekatan



RAJA PETRA KAMARUDIN

berfikir secara bijak dan bertindak secara munasabah dalam menghadapi serangan yang dilancarkan oleh Dr. Mahathir.

Beliau berkata, Najib lebih banyak berdiam diri dan memberi ruang kepada 'jeneral-jeneralnya' merangka strategi serta melancarkan kempen yang berke-

san bagi mengatasi sifat megah dan ego Dr. Mahathir.

"Sejarah sering mengajar kita pihak manakah yang akhirnya memenangi pertempuran-pertempuran sebegini," jelasnya.